



15 September 2021
15 September 2021
P.U. (A) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 11) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 11) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 11) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

Pengecualian

2. (1) Suatu surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang berhubungan dengan penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan antara peminjam atau pelanggan dengan institusi kewangan yang disempurnakan pada atau selepas 1 Julai 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021 adalah, atas permohonan, dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

- (a) surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan sedia ada itu telah disetamkan dengan sewajarnya di bawah butiran 22 atau 27 Jadual Pertama kepada Akta; dan
- (b) surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang berhubungan dengan penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan itu tidak mengandungi elemen penambahan nilai kepada amaun asal pinjaman atau pembiayaan di bawah surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang sedia ada.

(3) Apa-apa faedah atau keuntungan terakru daripada pembayaran yang distruktur semula atau dijadual semula tidak dilayan sebagai suatu elemen penambahan nilai kepada amaun asal pinjaman atau pembiayaan di bawah surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang sedia ada.

(4) Permohonan untuk pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan dengan penstruktur semula atau penjadualan semula pinjaman atau pembiayaan itu.

(5) Dalam perenggan ini—

(a) “institusi kewangan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada “*banker*” dalam seksyen 2 Akta; dan

(b) “penstruktur semula atau penjadualan semula” ertinya apa-apa pengubahsuaian yang dibuat kepada terma dan syarat pembayaran balik perjanjian pinjaman atau pembiayaan sedia ada menurut suatu konsensi yang diberikan oleh institusi kewangan disebabkan ketidakupayaan peminjam atau pelanggan untuk mematuhi jadual pembayaran balik sedia ada akibat daripada kemerosotan keadaan kewangan.

Dibuat 15 September 2021

[MOF.TAX(S)700-1/3/11 JLD. 3; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-143; PN(PU2)159/XXXIV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 11) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2021.

Exemption

2. (1) An instrument of loan or a financing agreement relating to the restructuring or rescheduling of a loan or financing between a borrower or customer and a financial institution which is executed on or after 1 July 2021 but not later than 31 December 2021 is, on application, exempted from stamp duty.

(2) The exemption under subparagraph (1) shall be subject to the following terms and conditions:

- (a) the existing instrument of loan or financing agreement has been duly stamped under item 22 or 27 of the First Schedule to the Act; and
- (b) the instrument of loan or financing agreement relating to the restructuring or rescheduling of a loan or financing does not contain the element of additional value to the original amount of loan or financing under the existing instrument of loan or financing agreement.

(3) Any interest or profit accrued from the restructured or rescheduled payments is not considered as an element of additional value to the original amount of loan or financing under the existing instrument of loan or financing agreement.

(4) The application for exemption under subparagraph (1) shall be accompanied by the relevant document relating to the restructuring or rescheduling of that loan or financing.

(5) In this paragraph—

(a) “financial institution” has the same meaning assigned to “banker” in section 2 of the Act; and

(b) “restructuring or rescheduling” means any modification made to the existing repayment terms and conditions of the loan or financing agreement pursuant to a concession provided by the financial institution due to the inability of the borrower or customer to comply with the existing repayment schedule consequent to deteriorating financial conditions.

Made 15 September 2021

[MOF.TAX(S)700-1/3/11 JLD. 3; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-143; PN(PU2)159/XXXIV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance